

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 6 Tahun 2021

PEKELILING PROSEDUR OPERASI STANDARD PERGERAKAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PULANG SEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI 2021

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai prosedur operasi standard (SOP) pergerakan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) pulang sempena cuti perayaan Aidilfitri 2021.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 14/2021 pada 28 April 2021 secara dasarnya bersetuju dengan cadangan perbincangan Mesyuarat Jawatankuasa Operasi Bencana Shah Alam (JOBSA) UiTM Shah Alam yang telah diadakan pada 21 April 2021 mengenai pergerakan pulang pelajar UiTM sempena hari raya Aidilfitri. Walau bagaimanapun, mesyuarat memutuskan supaya pekiling mengenai perkara ini hanya akan dikeluarkan setelah pemakluman rasmi oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dikeluarkan.
3. Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang diadakan pada 28 April 2021 telah bersetuju untuk membenarkan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) pulang ke rumah masing-masing sempena cuti hari raya Aidilfitri kecuali negeri Sarawak.
4. Para pelajar turut diberi pilihan sama ada pulang ke kediaman masing-masing atau kekal berada di kampus sempena cuti perayaan tersebut. Kebenaran ini adalah selaras dengan kelonggaran yang diberikan oleh MKN sebelum ini kepada sektor pendidikan.
5. Sehubungan itu, KPT melalui kenyataan media bertarikh 29 April 2021 telah menetapkan beberapa mekanisme kawalan bagi tujuan pergerakan pelajar pulang sempena cuti perayaan Aidilfitri 2021.

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERGERAKAN PELAJAR UiTM PULANG KE RUMAH MASING-MASING SEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI

6. Pergerakan pelajar UiTM di semua kampus seluruh negara adalah dilaksanakan **secara berfasa** bagi memastikan pergerakan pelajar adalah terkawal. Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) akan mengetuai koordinasi pergerakan pelajar ini dengan dibantu oleh bahagian lain di UiTM seperti Bahagian Pengurusan Kenderaan, Ibu

Pejabat Polis Bantuan, Pusat Kesihatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej.

7. Tarikh yang ditetapkan bagi **pergerakan pulang ke rumah masing-masing adalah pada 7 – 12 Mei 2021**. BHEP akan menyelaraskan tarikh pergerakan pulang ke rumah bagi setiap pelajar.
8. Pelajar yang berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sahaja **kecuali negeri Sarawak** dibenarkan pulang. Pelajar yang berada di lokaliti Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan pulang. Bagi pelajar yang pulang ke kawasan PKP di Kelantan, semua pelajar perlu menjalani pengasingan sendiri di rumah/ kediaman masing-masing selama enam (6) hari. Pelajar dibenarkan pulang dari/ ke Sabah dan Labuan dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
9. Pergerakan pulang pelajar akan menggunakan **tiga (3) kaedah** iaitu kenderaan sendiri, dijemput oleh ibu bapa/ penjaga atau menggunakan bas yang diselenggarakan oleh pihak UiTM mengikut negeri. Pergerakan melalui kenderaan awam **tidak dibenarkan kecuali perkhidmatan penerbangan**. Tempoh yang dibenarkan untuk mengambil anak bagi pelajar yang dijemput oleh ibu bapa atau penjaga adalah dua (2) hari dari tarikh yang dibenarkan. Bilangan ibu bapa/ penjaga yang mengambil anak adalah **tidak melebihi dua (2) orang sahaja** tidak termasuk pelajar.
10. Pelajar boleh memohon surat pengesahan pulang dengan menggunakan Sistem SaringC19 UiTM di pautan <https://saringc19.uitm.edu.my>. Melalui aplikasi ini, pelajar boleh memohon dan mencetak surat pengesahan pulang. Pihak UiTM akan membantu menguruskan kebenaran permit rentas negeri/ daerah di Ibu Pejabat Polis Daerah berhampiran.
11. Ibu bapa atau penjaga boleh menggunakan surat yang sama untuk permohonan kebenaran permit rentas negeri/ daerah di Ibu Pejabat Polis Daerah berhampiran. Namun begitu, kebenaran adalah tertakluk kepada kuasa budi bicara PDRM.
12. Segala kos pergerakan pulang, termasuk bagi menjalani ujian swab (mengikut keperluan) adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.
13. Pelajar yang menjalani latihan industri adalah dibenarkan untuk pulang dan kembali semula ke tempat latihan mereka selepas tamat cuti Aidilfitri.

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERGERAKAN PELAJAR UiTM KEMBALI KE KAMPUS SELEPAS CUTI PERAYAAN AIDILFITRI

14. Tarikh yang ditetapkan bagi **pergerakan pelajar kembali ke kampus adalah pada 15 – 20 Mei 2021**. BHEP akan menyelaraskan tarikh pergerakan kembali ke kampus bagi setiap pelajar.
15. Hanya pelajar yang telah pulang dan pelajar yang telah dikenal pasti oleh pihak UiTM serta di bawah kategori pelajar berkeperluan (6 kategori) sahaja yang dibenarkan kembali ke kampus selepas cuti Aidilfitri. Senarai pelajar yang akan kembali semula ke kampus akan diselenggarakan oleh setiap fakulti dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) di semua kampus.

16. Pelajar **tidak diwajibkan untuk menjalani ujian swab** semasa kembali semula ke kampus. Hanya pelajar yang memasuki Sabah sahaja yang perlu menjalani ujian swab dan tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan Negeri. Pelajar yang memasuki Sabah **adalah diwajibkan** menjalani ujian swab RT-PCR atau RTK-Ag dalam tempoh tiga (3) hari sebelum pergerakan ke Sabah.
17. Mengenai kaedah pergerakan pelajar kembali ke kampus, BHEP akan menyelaraskan dan menjadualkan pergerakan pelajar secara berfasa dan pelajar boleh menggunakan Sistem SaringC19 UiTM untuk memohon dan mencetak surat pengesahan pulang ke kampus.
18. Pergerakan pelajar kembali ke kampus akan menggunakan **tiga (3) kaedah** iaitu kenderaan sendiri, dihantar oleh ibu bapa/ penjaga atau menggunakan bas yang diselenggarakan oleh pihak UiTM mengikut negeri. Pergerakan melalui kenderaan awam **TIDAK** dibenarkan kecuali perkhidmatan penerbangan. Tempoh yang dibenarkan untuk menghantar anak bagi pelajar yang dihantar oleh ibu bapa atau penjaga adalah dua (2) hari dari tarikh yang dibenarkan. Bilangan ibu bapa/ penjaga yang menghantar anak adalah **tidak melebihi dua (2) orang sahaja** tidak termasuk pelajar.
19. Pelajar dibenarkan pulang dari/ ke Sabah dan Labuan dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
20. Segala kos pergerakan kembali ke kampus, termasuk bagi menjalani ujian swab (mengikut keperluan) adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.
21. Pelajar yang kembali semula ke kampus selepas cuti Aidilfitri hendaklah menjalani isolasi selama 10 hari di kolej kediaman yang akan ditetapkan.

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERGERAKAN PELAJAR ANTARABANGSA SEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI

22. Pelajar antarabangsa **tidak dibenarkan** untuk menziarahi rakan-rakan di daerah/ negeri lain. Kebenaran hanya diberikan kepada pelajar untuk melawat keluarga sahaja.
23. Pelajar antarabangsa dibenarkan pulang ke negara masing-masing bagi menyambut Aidilfitri berdasarkan kepada SOP yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dan negara asal pelajar.

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI PELAJAR YANG TIDAK PULANG SEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI

24. MPP akan menyelaraskan maklumat dan data pelajar UiTM yang tidak pulang sempena cuti perayaan Aidilfitri.
25. Bagi pelajar yang berada di dalam kampus, kebenaran keluar masuk bagi mendapatkan barang keperluan atau perkhidmatan yang mendesak serta urusan kecemasan hendaklah merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor Bilangan 5 Tahun 2021.

TARIKH DIKELUARKAN


26. Pekeliling ini dikeluarkan pada 30 April 2021.

TARIKH KUAT KUASA

27. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 30 April 2021.

PEMAKAIAN

28. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar UiTM serta untuk **edaran dalaman sahaja**.



PROFESOR Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Penolong Naib Canselor (Kolej Pengajian Kejuruteraan)
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Pengarah Pembangunan Pelajar
Pengarah Pembangunan Akademik
Pengarah Pusat Kesihatan
Semua Pengetua Kolej Kediaman
Semua Pengurus Asrama Kolej Kediaman
Ketua Polis Bantuan UiTM
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar
Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-HEP(PT. 6/2)

No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 6/2021